

# SUMBANGAN MULTIMEDIA DALAM SIARAN TELEVISYEN TERHADAP PENDIDIKAN TAJWID DI MALAYSIA

**Siti Soleha Binti Nurulhuda**

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia  
Tel: +601116041308 Email: [sitiolelahuda@gmail.com](mailto:sitiolelahuda@gmail.com)

**Wan Azlina Binti Wan Mawardi**

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia  
Tel: +60199626819 Email: [wanzlinawanmawardi@gmail.com](mailto:wanzlinawanmawardi@gmail.com)

**Maisarah binti saidin**

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia  
Tel: +60163573672 Email: [maisarah@usim.edu.my](mailto:maisarah@usim.edu.my)

**Abstrak:** Pada globalisasi kini, media amatlah memainkan peranan yang penting kepada masyarakat yang mana sedikit sebanyak membawa pengaruh kepada corak pembangunan insan yang lebih dinamik dan lebih islamik. Permasalahan daripada kajian, terdapatnya segelintir masyarakat yang masih kurang menguasai kaedah penguasaan ilmu tajwid yang tepat dalam pembacaan al-Quran. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti sejauh mana media siaran televisyen di Malaysia cakna berkaitan pembelajaran ilmu tajwid dan sejauh mana media siaran tersebut dapat memberi impak kepada kaedah pembelajaran ilmu tajwid dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Objektif daripada kajian ini adalah untuk mengkaji kebaikan dan kelemahan serta manfaat media siaran televisyen berteraskan kepada kandungan pengisian ilmu tajwid di Malaysia. Seterusnya, metodologi kajian yang digunakan dalam projek ini ialah melalui pengumpulan data daripada projek ilmiah yang lepas dan berdasarkan pemerhatian iaitu soal selidik. Hasil mendapati terdapat banyak siaran televisyen yang menyiarkan kandungan yang berkaitan dengan pembelajaran asas ilmu tajwid kepada masyarakat di Malaysia yang mana didapati bahawa siaran televisyen dalam mengajarkan ilmu tajwid dapat membantu ramai orang dalam mempelajari tajwid sekaligus membetulkan kaedah bacaan dengan lebih tepat. Secara induksinya, kajian ini membantu dan menarik pelbagai kelompok golongan usia dalam mempelajari ilmu tajwid yang tepat dengan kaedah yang lebih interaktif dan menarik dari kandungan siaran televisyen yang disiarkan.

**Kata kunci:** *Media, ilmu tajwid, siaran televisyen*

## **Pengenalan**

Kajian ini dilakukan untuk mengetahui sejauh mana kebolehan ketersampaian media siaran televisyen di Malaysia dalam penyampaian dakwah berkhusus kepada skop ilmu tajwid kepada masyarakat. Pengkaji telah mencari beberapa siaran televisyen yang berkaitan khas dengan ilmu tajwid. Hal ini kerana dapat kita saksikan di kaca-kaca televisyen dalam penyiaran ilmu tajwid yang mana terdapat pelbagai siaran yang disiarkan. Sebagai contoh, "Mari Mengaji" yang disiarkan dalam rancangan TV9, "Kelas Tajwid", "Geng Ngaji", "Alif Ba Ta", "Mengaji Bersama Uztaz Don" yang disiarkan dalam rancangan Astro Oasis, "Mai Ngaji" dalam rancangan TV Alhijrah, dan "tilawah interaktif" dalam rancangan Radio Televisyen Malaysia (RTM) TV1. Hal yang demikian dapat kita deduksikan bahawa telah banyak rancangan televisyen dalam menyampaikan ilmu tajwid yang lebih efisien dan interaktif. Bukan sahaja mudah difahami malah daripada rancangan siaran televisyen ini juga membantu memperbaiki kaedah sebutan huruf dengan bacaan yang lebih tepat iaitu *makhraj* huruf. Ini kerana Media menurut Kamus Dewan dan Pustaka Edisi Keempat didenifikasikan sebagai alat atau perantara komunikasi (perhubungan) seperti radio, televisyen dan akhbar. Daripada konteks terjemahan "media" itu dapat sudah kita rangkumkan bahawa tugas media adalah untuk menghubungkan dari yang jauh kepada dekat.

Ilmu pula ditakrifkan menurut Imam Ibnu Khaldun terbahagi kepada dua, iaitu ilmu tradisional (*naqliyah*) yang mana bersumberkan dari al-Quran dan hadis dalam menghubungkan cabang permasalahan dengan cabang utama yang berteraskan kepada syariat yang diambil dari al-Quran dan hadis. Tamsilannya, ilmu tafsir, ilmu qiraat, ilmu hadis dan ilmu fiqh. Kedua ilmu filsafat atau rasional (*aqliyah*) yang mana terviasa dengan kehidupan harian manusia yang diperoleh melalui kemampuan untuk berfikir. Contohnya, ilmu logik, ilmu fizik, ilmu matematik dan ilmu metafizik.

Tajwid dari segi bahasa adalah mengelokkan, menurut istilah pula tajwid bermaksud suatu ilmu untuk mengetahui cara melafazkan huruf-huruf al-Quran dengan betul. Hukum mempelajarinya adalah fardhu kifayah dan mengaplikasikannya dalam bacaan adalah fardhu ain. Hukum ilmu tajwid ini berdasarkan nas al-Quran daripada surah al-Muzammil ayat keempat, yang membawa makna "*dan bacalah al-Quran dengan tartil*". Imam al-Mawardi menafsirkan ayat ini kepada suruhan untuk membaca ayat al-Quran mengikut susunan dan tidak mengubah makna lafaz (tafsir al-Mawardi; 6/126).

Sudah terang lagi bersuluh, jelaslah media penyiaran televisyen dapat membantu dalam bidang dakwah kepada umat islam dalam penyampaian ilmu tajwid yang dilayarkan dikaca televisyen kini. Berteraskan pengisian ilmu tajwid media penyiaran tak lapuk dek zaman kerana masih relevan dan diterima dari pelbagai lapisan usia. Lagi pula media siaran televisyen wujudnya audio dan video, yang mana lebih mudah difahami dan diaplikasikan dalam pembacaan harian penonton untuk membaca al-Quran dengan tepat.

## **Metodologi Kajian**

Kajian ini bertujuan bagi penyediaan reka bentuk kajian untuk menghubungkaitkan persoalan kajian dan objektif kajian serta, hasil kajian. Kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti sejauh mana media siaran televisyen di Malaysia dapat mencapai tujuan untuk penyampain ilmu tajwid kepada masyarakat. Kaedah kualitatif atau kaedah rujukan perpustakaan telah digunakan dalam kajian ini untuk memperolehi maklumat kajian. Seterusnya, dalam kajian ini juga menggunakan kaedah pemerhatian bagi proses mendapatkan maklumat lebih mudah serta relevan dengan kehendak objektif yang telah ditetapkan.

## **Perbincangan Kajian**

Menurut Mustaffa Abdullah et al (2014) sejarah perkembangan tajwid di Malaysia terangkum dalam sejarah berkembangnya Pendidikan Islam di Malaysia. Hal ini berasaskan kepada bentuk pendidikan Islam yang terawal datang ke Tanah Melayu ketika itu adalah dalam bentuk pengajian al-Quran yang terangkum di dalamnya pengajian tajwid al-Quran. Daripada hasil kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini, pengkaji mendapati bahawa terdapat kebaikan dan kelemahan melalui program siaran televisyen terhadap pembelajaran tajwid kepada masyarakat. Ilmu tajwid adalah ilmu yang berkaitan dengan kitab agung al-Quran. Oleh itu, tidak dapat dinafikan lagi tentang kelebihan serta faedah mempelajari ilmu tajwid melalui program televisyen.

### **Siaran tajwid dalam siaran Astro Oasis**

Astro Oasis merupakan rancangan yang paling banyak menyiarkan kandungan berteraskan tajwid, sebagai contoh Geng ngaji pada setiap hari Sabtu jam 5:30 sehingga 7:00 malam yang diajarkan oleh Ustaz Don Daniyal Don Biyajid. Dalam rancangan ini menerangkan tentang jelas berkaitan cara sebutan makhraj huruf serta mengajarkan berkaitan ilmu tajwid seperti mad asli, nun mati dan tanwin, mad lin, dan hukum hukum tajwid lainnya. Seterusnya rancangan Alif ba ta yang disiarkan setiap hari Khamis pada jam 7:30 malam, yang mana juga sama diajarkan oleh Ustaz Don berkaitan ilmu tajwid. Seterusnya rancangan Mengaji, setiap Jumaat 7:30 malam. Dan yang terakhir ialah Kelas tajwid setiap hari Khamis pada jam 7:30 malam.

### **Siaran tajwid dalam siaran Tv Alhijrah**

Dalam siaran Tv Alhijrah ini juga ada menyiarkan rancangan berkaitan ilmu tajwid iaitu Mai ngaji pada setiap Sabtu 7:30 malam. Rancangan ini dihoskan oleh Ustazah Nur Nadhrah, memaparkan pembelajaran ilmu tajwid dan makna ayat al-Quran menerusi kaedah bertalaqqi secara beramai-ramai.

### **Siaran tajwid dalam siaran tv1**

Tilawah interaktif pada setiap Jumaat jam 11:05 pagi, siaran ini menawarkan kepada para penonton untuk membaca al-Quran Bersama dengan menyediakan talian yang boleh dihubungi semasa siaran langsung diadakan. Para penonton di rumah juga dapat memperbaiki, dan memperdengarkan bacaan mereka melalui siaran ini.

## **Kebaikan Media Siaran Televisyen Dalam Bidang Tajwid di Malaysia**

Antara kelebihan-kelebihan mempelajari pembacaan al-Quran dengan mengamalkan hukum tajwid melalui program televisyen ialah seperti berikut:

1. Memelihara daripada kesalahan-kesalahan dalam membaca al-Quran.

Jika merujuk kepada kitab-kitab yang membahas tentang ilmu tajwid serta ilmu al-Quran, kita dapati bahawa semua ulama tajwid bersepakat dengan tujuan utamanya iaitu mempelajari ilmu tajwid untuk menghindari kesalahan semasa membaca al-Quran. Membaca al-Quran dengan bertajwid adalah satu perkara yang wajib menurut Imam Ibn al-Jazari dalam kitabnya yang menyatakan “Al-Quran wajib dibaca dengan bertajwid, berdosa pembaca yang tidak membaca dengan bertajwid”. Umat Islam harus membaca al-Quran dengan benar untuk menghindari kesalahan yang merosak bacaan mereka atau membuat mencacatkannya. Kesalahan dalam tajwid dianggap suatu dosa kerana bacaan yang benar dengan tajwid yang betul merupakan kewajipan bagi semua umat Islam.

Apabila masyarakat telah mempelajari dan memahami pembelajaran tajwid yang ditonton di program televisyen, masyarakat dapat mempraktikkan ilmu tajwid dalam pembacaan al-Quran,

masyarakat dapat terhindar daripada melakukan kesalahan-kesalahan ketika membaca al-Quran. Kesalahan dalam bacaan al-Quran terbahagi kepada dua bahagian iaitu:

i. Kesalahan Nyata (لحن الجلي)

Definisi al-Lahn al-Jaliy menurut Ibn al-Jazari ialah kesalahan yang berlaku pada lafaz yang nyata iaitu kesalahan-kesalahan yang jelas pada perkataan dari segi bacaan, sebutan serta kaedah nahu bahasa arab sama ada ia membawa kepada kecacatan pada makna ayat tersebut atau tidak. Kesalahan ini hukumnya adalah haram jika disengajakan dan dimaafkan bagi mereka yang tidak sengaja ataupun terlupa. Al-Lahn al-Jaliy juga dinamakan kesalahan besar kerana kesalahan ini secara jelas dan ia dapat disedari oleh kebanyakan orang sama ada mereka yang pakar atau tidak dalam ilmu tajwid. Contoh kesalahan al-Lahn al-Jaliy ini ialah:

a) Perubahan dari segi asal perkataan dan huruf contohnya:

- Menyebut huruf (ط) dengan sebutan huruf (ض)
- Menyebut huruf (ذ) dengan sebutan huruf (ز)
- Menyebut huruf (ث) dengan sebutan huruf (س)

b) Perubahan dari segi baris perkataan contohnya:

- Membaca dengan baris atas pada huruf yang berbaris depan yang mengubah maksud perkataan seperti (تَرَكَتُ): “aku tinggalkan.” (تَرَكَتُ) “Engkau tinggalkan.” (Suruh al-Mu’minun: 100)
- Membaca dengan baris depan yang tidak mengubah maksud perkataan tetapi menyalahi hukum dalam bahasa arab seperti pada ayat (إِنَّ اللَّهَ) dibaca (إِنَّ اللَّهَ).

ii. Kesalahan Tersembunyi (لحن خفي)

Al-Lahn al-Khafi pula ialah kesalahan yang halus iaitu kesalahan yang hanya diketahui oleh pakar dalam bidang ilmu al-Quran. Kesalahan tersembunyi ini seperti meninggalkan dengung pada hukum Idgham. Ikhfa’ atau Iqlab, tidak tidak sempurna pada harakat Mad. Kesalahan ini berlaku pada sebutan yang menyalahi hukum-hukum tajwid tetapi tidak mencatitkan makna ayat dan maksud dalam bahasa arab. Kesalahan ini juga dinamakan kesalahan kecil kerana kesalahan ini hanya disedari dan diketahui oleh mereka yang pakar dan mahir dalam bidang ilmu tajwid. Terdapat khilaf dalam pendapat dikalangan para ulama pada hukum pada kesalahan kecil dimana ada yang berpendapat hukumnya adalah makruh walaupun kebanyakan ulama’ tajwid berpendapat adalah haram secara mutlak melakukan kesalahan dalam pembacaan al-Quran tanpa mengira ia kesalahan yang dilakukan sama ada kesalahan kecil atau besar.

Walaupun terdapat khilaf dikalangan ulama Tajwid pada hukum kesalahan kecil samada membawa kepada dosa atau hanya kehinaan, namun sebagai umat Islam yang sentiasa mencari keredhaan Allah, kita hendaklah sentiasa berusaha agar memastikan bacaan kita adalah benar dan tepat sebagaimana diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW. Cara untuk menghindari kesalahan dalam membaca al-Quran adalah dengan berusaha untuk meningkatkan mutu bacaan al-Quran dengan belajar sedaya upaya dan menjauhi kesalahan-kesalahan dalam pembacaan al-Quran samada kesalahan nyata ataupun kesalahan tersembunyi.

2. Mencapai keyakinan dalam pembacaan al-Quran yang betul.

Apabila masyarakat telah mempelajari dan mengetahui mengenai hukum tajwid mereka akan merasa yakin semasa mereka membaca al-Quran dengan tajwid yang betul. Masyarakat tidak akan merasa ragu lagi dalam apa pun bentuk ayat al-Quran yang akan ditemui di mana-mana tempat dalam al-Quran sebanyak 30 juzuk tersebut.

3. Meningkatkan minat membaca al-Quran.

Apabila masyarakat telah menguasai ilmu tajwid yang telah mereka pelajari maka masyarakat dapat yakin untuk membacanya serta yakin dapat terhindar daripada sebarang kesalahan bacaan serta dengan adanya penguasaan ilmu tajwid, kualiti bacaan al-Quran dapat terpelihara. Justeru

itu, kecenderungan minat membaca al-Quran lebih meningkat apabila masyarakat yakin akan bacaan tajwid mereka betul serta masyarakat lebih cenderung untuk memdalam makna-makna yang terkandung dalam kitab al-Quran. Allah SWT berfirman dalam Surat Al-Muzammil ayat 4:

[المزَّمِّل: 4] ﴿أَوْ زِدْ عَلَيْهِ وَرَتِّلِ الْفُرْآنَ نِزِيلًا﴾

“Atau lebih dari seperdua itu. Dan bacalah Al Quran itu dengan perlahan-lahan”

### **Keburukan Media Siaran Televisyen Dalam Bidang Tajwid di Malaysia**

Selain itu, terdapat kajian lepas yang mendapati kelemahan siaran televisyen dalam program pembelajaran tajwid kepada masyarakat.

#### **1. Kaedah pembelajaran kurang efektif.**

Di satu sudut lain pula, terdapat kelemahan melalui program siaran televisyen yang menyiarkan program pembelajaran tajwid kepada masyarakat. Kaedah pembelajaran yang kurang efektif menyebabkan proses pemindahan maklumat menjadi kurang berkesan. Ini kerana guru yang mengajar tajwid mungkin menggunakan kaedah yang tidak bersesuaian ketika sesi pengajaran. Amalan membaca al-Quran merupakan suatu keperluan dan juga tanggungjawab secara fardhu ain kepada umat Islam untuk mahir membaca al-Quran, apatah lagi memahami dan mengamalkannya. Oleh itu, bukan isi al-Quran sahaja yang dapat menjadi panduan hidup manusia, malah membaca al-Quran juga dapat menenangkan jiwa dan juga merupakan suatu ibadat apabila mengamalkannya.

#### **2. Kekurangan alat bantu mengajar yang berkesan.**

Seterusnya, penggunaan alat atau bahan bantu mengajar memberi pengaruh besar dalam proses pengajaran dan pembelajaran tajwid. Kegagalan guru dalam menyediakan bahan bantu mengajar yang berkesan akan menyebabkan masalah penguasaan ilmu tajwid dalam kalangan pelajar (Hamir Hamzah & Mohamad Hilmi, 2019). Hal ini kerana, guru tajwid hanya menyebut ayat bacaan atau secara teori sahaja yang menyebabkan pembelajaran kurang efektif apabila masyarakat sukar memahami bunyi panjang dan pendek tanpa melihat ayat daripada surah yang dinyatakan. Justeru itu, ilmu tajwid perlu dilaksanakan secara praktikal dan bukan hanya tertumpu pada aspek teori sahaja. Bahan bantu mengajar yang kreatif dan inovatif perlu disediakan agar masyarakat dapat memahami dan menguasai ilmu tajwid dengan cepat dan lebih berkesan.

Oleh hal demikian, hasil kajian-kajian lalu jelas menunjukkan pembelajaran tajwid al-quran melalui siaran atau program di televisyen dapat memberi manfaat kepada masyarakat dan mempermudah proses pengajaran dan pembelajaran tajwid kepada masyarakat di Malaysia. Sepanjang kajian dan pemerhatian ini dibuat, pengkaji tidak menemui sebarang kajian mahu pun karya yang menyamai tajuk sepertimana dalam kajian ini.

#### **3. Penyampaian maklumat yang salah.**

Tambahan lagi, apabila terdapat penyampaian mesej yang tidak sahih dapat mengelirukan masyarakat dan ini mempengaruhi cara berfikir dari apa yang mereka fahami. Kegagalan dalam menyampaikan ilmu yang tidak sahih menyebabkan kegagalan untuk mempengaruhi cara berfikir seseorang individu. Justeru itu, kegagalan ini turut menyebabkan kegagalan dalam membentuk sahsiah masyarakat yang baik dan berakhlak mulia. Hal yang demikian, siaran televisyen yang dipaparkan berperanan besar terhadap masyarakat melalui tayangan atau paparan rancangan yang bermanfaat dan berkualiti.

## **Sumbangan Kepada Masyarakat Daripada Media Penyiaran Televisyen Dalam Bidang Tajwid di Malaysia**

Namun demikian, hasil dapatan kajian mendapati terdapat sumbangan yang dapat diperhatikan daripada media televisyen dalam penyiaran program rancangan kepada masyarakat Malaysia. Antara sumbangan yang didapati oleh media adalah:

### **1. Medium penyampaian ilmu dan pendidikan**

Terdapat pelbagai program dan rancangan yang disiarkan di kaca televisyen. Menurut kajian masyarakat Malaysia sangat suka menonton televisyen terutamanya golongan belia. Belia Malaysia mempunyai tabiat menonton televisyen yang tinggi. Hampir setiap masa sekiranya ada waktu terluang mereka akan luangkan dengan menonton televisyen juga dengan menggunakan media dalam talian. Oleh itu, dengan wujudnya program dan rancangan bermanfaat yang disiarkan di televisyen dapat memberi faedah kepada masyarakat Malaysia untuk mempelajari ilmu di waktu tontonan mereka. Masyarakat dapat mempelajari pelbagai ilmu dan maklumat daripada siaran televisyen yang berfaedah.

### **2. Membawa madrasah kepada masyarakat**

Kehidupan seharian setiap individu disibukkan pelbagai kegiatan harian yang tidak pernah selesai. Apabila rakyat sibuk dengan urusan dunia, masjid, madrasah dan surau akan sunyi dengan penuntut ilmu yang mempelajari pendidikan agama. Mengajar agama dan menuntut ilmu di tempat-tempat seperti ini lebih baik dan berkesan. Menurut Riwayat at-Tarmizi sabda Rasulullah s.a.w, "Apabila kamu melalui (bertemu) dengan taman-taman syurga (di atas muka bumi ini), hendaklah kamu berhenti untuk menikmati". Kemudian, Sahabat bertanya, "Apakah taman-taman syurga tersebut?" Rasulullah berkata, "Majlis-majlis ilmu".

Hal yang demikian, rancangan televisyen Islamik dan program Pendidikan Islam menjadi peranan untuk membawa masyarakat untuk bersama mengikuti dan mempelajari ilmu setiap siaran yang berfaedah kepada masyarakat. Hal ini menjadi medium yang interaktif agar masyarakat dapat menimba ilmu walaupun dimana mereka berada.

### **3. Bangsa lain dapat memahami kehidupan orang Islam di Malaysia**

Siaran televisyen yang menyiarkan program yang berkaitan pendidikan agama islam di kaca televisyen dapat membantu masyarakat serta agama lain untuk memahami dan melihat cara kehidupan orang muslim di Malaysia ini. Media menyiarkan pelbagai rancangan televisyen dalam aspek seperti ibadah, bahasa, cara berpakaian, makanan yang halal dan paling utama adalah bidang pendidikan seperti pelajaran tajwid. Mereka akan mengetahui secara lebih mendalam apa yang sebenarnya berlaku dalam masyarakat Muslim. Hal ini juga dinyatakan oleh Hashim (2005) bahawa walau apa-apa pun bentuk dialog yang berlaku dalam dua kelompok, ternyata sesebuah kelompok akan sentiasa mempelajari dan menyerap unsur-unsur yang dianggap mempunyai sentuhan yang tersendiri. Hal yang demikian, nilai-nilai agama Islam yang murni menentukan hampir seluruh cara hidup dalam kehidupan. Pengaruh islam dapat mengubah dan menghilangkan unsur utama kepercayaan asal, tetapi tidak mengubah nilai-nilai budaya yang tidak bercanggah dengan islam.

## **Kesimpulan**

Secara konklusinya, media sangat memberi impak yang besar dalam pengajaran dan pembelajaran ilmu tajwid kepada masyarakat. Menerusi hasil kajian, jelaslah bahawa media seperti televisyen sangat memberi impak dalam pendidikan tajwid kerana masyarakat dapat memanfaatkan siaran yang disediakan untuk menambah pengetahuan dan mempelajari serta mendalami ilmu tajwid. Ilmu tajwid sangat memainkan peranan penting dalam mendalami pembacaan al-Quran dengan baik. Pengetahuan tentang ilmu tajwid dapat membantau masyarakat membaca al-Quran dengan baik sekaligus ibadah yang dilalukan seharian dapat dilakukan dengan

sempurna apabila bacaan ayat-ayat al-Quran dibaca dengan baik mengikut tajwid yang betul. Sumbangan media dalam pengajaran dan pembelajaran tajwid melalui siaran televisyen dapat membantu masyarakat dalam mendalami ilmu tajwid untuk di praktikkan dalam pembacaan al-Quran di kehidupan seharian mereka kerana terdapat banyak faedah yang dapat dimanfaatkan oleh masyarakat di Malaysia. Namun, walaupun siaran televisyen yang menyiarkan program pendidikan tajwid mempunyai beberapa kelemahannya, masyarakat dapat memanfaatkan ilmu yang dipelajari melalui siaran televisyen dengan membaca al-Quran dengan lebih yakin serta membaca dengan bacaan yang betul.

## Rujukan

- Abdul Latiff, M. A., & Yaacob. (n.d.). Persepsi Pelajar Terhadap Program Membudayakan Al-Quran Dalam Meningkatkan Tahap Keupayaan Pembacaan Al-Quran Mengikut Hukum Tajwid. Satu Kajian di SMK Dato Bentara Luar. *Universiti Teknologi Malaysia*.  
[http://eprints.utm.my/id/eprint/10434/1/PERSEPSI\\_PELAJAR\\_TERHADAP\\_PROGRAM\\_MEMBUDAYAKAN.pdf](http://eprints.utm.my/id/eprint/10434/1/PERSEPSI_PELAJAR_TERHADAP_PROGRAM_MEMBUDAYAKAN.pdf)
- Abdul Mujib Ismail dan Maria Ulfah Nawawi, 1995. Pedoman Ilmu Tajwid, Surabaya: Karya Abditama
- Farhan, M. (2020, April 2). Irsyad al-fatwa siri ke-482: hukum membaca al-quran . Retrieved November 20, 2022, from [https://pic.upm.edu.my/artikel/irsyad\\_al\\_fatwa\\_siri\\_ke\\_482\\_hukum\\_membaca\\_al\\_quran\\_dengan\\_bertajwid-69914?L=en](https://pic.upm.edu.my/artikel/irsyad_al_fatwa_siri_ke_482_hukum_membaca_al_quran_dengan_bertajwid-69914?L=en)
- Hamir Hamzah Jaafar dan Mohamad Hilmi Mat Said. 2019. Inovasi Pengajaran untuk menarik Minat Pelajar Menguasai Ilmu Tajwid. *International journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)*, Universiti Malaysia Pahang, Issue 6, Vol 1, Disember 2019, pp.8-17.
- Hashim Musa. (2005). Islam dan Dialog antara Peradaban: Konsep dan Idealisme, dalam Islam dan Dialog Peradaban: Satu Perspektif, ed. Azizan Baharuddin, 13-25. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ishak, M. S., Ismail, A., Mat, B., Kassim, A., Mamat, S., & Talib, N. (n.d.). Pengaruh Televisyen dan Media Sosial Terhadap Golongan Belia di Malaysia. *Pengaruh Televisyen Dan Media Sosial Terhadap Golongan Belia Di Malaysia*, 9. [http://iyres.gov.my/jdownloads/spy/SPY-BAB%20%20\(7\).pdf](http://iyres.gov.my/jdownloads/spy/SPY-BAB%20%20(7).pdf)
- Ishaq, A. H., & Nawawi, R. (2017). Ilmu Tajwid dan Implikasinya Terhadap Ilmu Qira'ah. *Jurnal QOF, Volume 1*(No. 1). [https://www.academia.edu/37866805/ILMU\\_TAJWID\\_DAN\\_IMPLIKASINYA\\_TERHADAP\\_ILMU\\_QIRAAH](https://www.academia.edu/37866805/ILMU_TAJWID_DAN_IMPLIKASINYA_TERHADAP_ILMU_QIRAAH)
- Kamus online*. Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017) <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=kamus%20online>
- Mudarris. (2018). *Ilmu Tajwid*. Pengajian al-Hira. Retrieved November 20, 2022, from <https://pengajianalhira.com/ilmu-tajwid>
- Mustaffa Abdullah, Uthman Muda dan Mohd Shafiee Hamzah, 2014. Peranan Ulama Melayu Dalam Menangani Buta al-Quran dalam Kalangan Masyarakat Malaysia, dalam Isu Kontemporari Pendidikan al-Quran. Kuala Terengganu: Penerbit UniSZA
- Rizki, I. (2020). Pesan Dakwah Dalam Serial Kartun Upin Dan Ipin Episode Mengaji Surat Al - Falaq (Analisis Wacana Teun Van Dijk). *Www.Academia.Edu*. [https://www.academia.edu/92600810/Pesan\\_Dakwah\\_Dalam\\_Serial\\_Kartun\\_Upin\\_Dan\\_Ipin\\_Episode\\_Mengaji\\_Surat\\_Al\\_Falaq\\_Analisis\\_Wacana\\_Teun\\_Van\\_Dijk](https://www.academia.edu/92600810/Pesan_Dakwah_Dalam_Serial_Kartun_Upin_Dan_Ipin_Episode_Mengaji_Surat_Al_Falaq_Analisis_Wacana_Teun_Van_Dijk)
- Saari, N., Sarji, A., & Basri, F. K. H. (2010). Muzik dan Pembangunan Sosial: Paparan Dasar Industri Hiburan Dalam Akhbar-akhbar di Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 26(2). <https://ejournals.ukm.my/mjc/article/download/15108/4713>
- Saidpuhin, W. (2017). Televisyen Medium Dakwah: Peranan, Pengaruh dan Cabaran. *International Research Management & Innovation Conference*, 188–201. <http://rmc.kuis.edu.my/irmic/wp-content/uploads/2017/05/TELEVISYEN-MEDIUM-DAKWAH-full-paper-irmic-188-201.pdf>
- Yusri bin Chek. 2005. Pelajaran Tajwid al-Quran di Malaysia. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Zarkasyi, A. F. (2013). Tajdid dan Modernisasi Pemikiran Islam. *TSAQAFAH*, 9(2), 395. <https://doi.org/10.21111/tsaqafah.v9i2.59>

## Appendix



